

PANDUAN TUNTUTAN UNTUK PRODUK PERUBATAN

Untuk kemasukan hospital tanpa tunai, sila berikan maklumat berikut untuk pengeluaran Surat Jaminan (GL) oleh pembekal perkhidmatan:-

1. Nombor kad pengenalan
2. Nombor sijil Takaful

Sila tunjukkan kad perubatan/e-perubatan anda ke kaunter kemasukan hospital jika permintaan Surat Jaminan (GL) secara langsung dari hospital panel STMB. (*Sila klik [di sini](#) untuk melihat senarai hospital panel*)

Untuk **pembayaran tuntutan balik perubatan**, sila rujuk kepada panduan langkah demi langkah berikut untuk mengemukakan tuntutan anda.

LANGKAH 1: KUMPULKAN DOKUMEN BERIKUT

Dokumen yang diperlukan:

1. Borang perubatan tuntutan yang telah dilengkapkan (*Sila klik [di sini](#) untuk memuat turun borang tuntutan*) atau
2. Surat discaj asal dari hospital/ringkasan yang memaklumkan tarikh kemasukan, tarikh keluar dan diagnosis yang disahkan oleh doktor
3. Bil / Invois asal hospital dan bil terperinci
4. Resit perubatan asal (termasuk resit deposit)
5. Keputusan ujian yang telah disahkan/laporan MRI/CT scan/kad dialisis/biopsi/laporan histopatologi, jika berkenaan
6. Laporan polis yang disahkan (disebabkan kemalangan)

Untuk bil perubatan yang diselesaikan sebahagiannya oleh pengendali insurans atau takaful lain, dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

1. Bukti penyelesaian tuntutan yang disahkan
2. Laporan perubatan atau nota discaj yang disahkan/ringkasan yang memaklumkan tarikh masuk, tarikh keluar dan diagnosis yang disahkan oleh doktor
3. Bil/Invois asal hospital dan bil terperinci
4. Resit perubatan yang disahkan (termasuk resit deposit)

Untuk rawatan di luar negara, dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

(Nota: *Terjemahan dari bahasa asing ke dalam versi Bahasa Inggeris diperlukan*)

1. Salinan data peribadi pasport pihak menuntut yang menunjukkan tarikh berlepas dari Malaysia dan tarikh ketibaan dan juga salinan tiket penerbangan/ pas masuk
2. Bil / Invois asal hospital dan bil terperinci
3. Laporan perubatan atau nota discaj yang disahkan/ringkasan yang memaklumkan tarikh masuk, tarikh keluar dan diagnosis yang disahkan oleh doktor
4. Keputusan ujian yang telah disahkan/laporan MRI/CT scan/kad dialisis/biopsi/laporan histopatologi

Nota:

Maklumat di atas hanya digunakan sebagai panduan. Takaful Malaysia berhak meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan apabila diperlukan.

LANGKAH 2: PENGHANTARAN DOKUMEN

Sebaik sahaja anda telah memuat turun (*Sila klik [di sini](#) untuk memuat turun borang tuntutan*) dan melengkapkan borang tuntutan, sila hantar ke Pusat Khidmat Pelanggan kami yang terletak di tingkat bawah Ibu Pejabat kami atau mana-mana TMCCs kami yang berhampiran dengan anda.



Ibu Pejabat:

Menara Takaful Malaysia, 4 Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai status tuntutan anda dalam tempoh 14 hari bekerja.

Terima kasih.